

19/08/1998

MBS sumbangkan RM10,000 kepada Dana Khas

BANTING, Selasa - Majlis Belia Selangor (MBS) akan menyumbang sebanyak RM10,000 kepada tabung Dana Khas Negara sebagai simbol keprihatinan golongan belia terhadap masalah ekonomi yang dihadapi negara.

Presidennya, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata sumbangan kecil itu adalah derma ikhlas semua ahli gabungan MBS dan sekali gus membayangkan tanda perpaduan golongan muda untuk bersatu hati menghadapi zaman malap selepas menikmati zaman mewah.

Beliau berkata, sumbangan itu akan diserahkan kepada Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar pada 24 Ogos sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatan kerja ke Selangor, pada 25 Ogos ini.

"Selain itu, MBS juga akan menghantar 1,000 ahli untuk menyambut kedatangan Perdana Menteri di perhimpunan raksasa di Stadium Malawati."

"Setiap daerah akan menghantar kira-kira 100 ahli berserta ahli badan gabungan," katanya di sini.

Beliau berkata, sambutan itu adalah sebagai tanda sokongan belia terhadap kepemimpinan Perdana Menteri terutama dalam menghadapi isu kegawatan ekonomi dan masalah hubungan yang renggang dengan negara jiran, Singapura.

Sementara itu, katanya, MBS akan mengadakan program turun padang ke daerah dan kawasan pedalaman sebagai satu pendekatan untuk mengenal pasti masalah belia di peringkat akar umbi selain bertujuan berkenalan antara ahli dengan pemimpin.

Abdul Rahman berkata, program itu akan disertai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Datuk Zainal Dahalan dan Jawatankuasa Tertinggi MBS.

Menurutnya, pertemuan dengan pemimpin belia di peringkat daerah, mukim dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kebajikan Kampung (JKKK) penting bagi mengukuhkan barisan belia selaras dengan peranan mereka sebagai penjana pembangunan negara.

"Untuk memastikan persatuan belia lebih mantap semua ahli gabungan disaran supaya meningkatkan persefahaman dan sentiasa mengambil jalan tengah sebagai pendamai apabila timbul satu-satu isu di kawasan masing-masing," katanya.

(END)